

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	UTUSAN.COM.MY	SECTION:	BERITA - NASIONAL
DATE:	WEDNESDAY, 2 NOVEMBER 2016	PAGE NO.:	1 OF 2
CIRCULATION:	ONLINE	FREQUENCY:	ONLINE
HEADLINE:	PAVILION MALAYSIA DIBUKA DI INDO DEFENCE 2016		

# Pavilion Malaysia dibuka di Indo Defence 2016

02 November 2016 9:11 PM

 274  23  1  0

KUALA LUMPUR 2 Nov. - Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Ahmad Hasbullah Mohd. Nawawi hari ini merasmikan pembukaan Pavilion Malaysia pada Pameran dan Forum Pertahanan Indonesia 2016 (Indo Defence 2016) di Jakarta yang bermula hari ini.



Wakil MBDA dari Perancis, Daniel Petit (dua, kiri) menyerahkan fail DSA 2018 kepada Pengurus Besar DSA 2018, Anita Jacobson (dua, kanan) sebagai tanda penyertaan pameran itu di Jakarta, semalam. Majlis itu turut disaksikan Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Seri Ahmad Hasbullah Mohd. Nawawi (tiga, kanan).

Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan di sini berkata, Indo Defence 2016 yang diadakan setiap dua tahun merupakan salah satu pameran pertahanan bagi mempamerkan peralatan dan teknologi terkini daripada pemain industri pertahanan antarabangsa.

Katanya, pameran berkenaan juga adalah ruang terbaik bagi syarikat-syarikat Malaysia dalam membekalkan komponen; perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta pembinaan kapasiti dan latihan.

Ini kerana menurut kenyataan berkenaan, pasaran pertahanan Indonesia dijangka mencecah AS\$17.8 bilion (RM74.57 bilion) pada tahun 2019 berbanding hanya AS\$8 bilion (RM33.52 bilion) kini.

“Penyertaan Malaysia melalui Bahagian Industri Pertahanan yang juga selaku Urus Setia Induk Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan

Keselamatan Malaysia (MIDES) merupakan kali ketiga sejak tahun 2012.

## NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE	SECTION:	BERITA - NASIONAL
PUBLICATION:	UTUSAN.COM.MY	PAGE NO.:	2 OF 2
DATE:	WEDNESDAY, 2 NOVEMBER 2016	FREQUENCY:	ONLINE
CIRCULATION:	ONLINE		
HEADLINE:	PAVILION MALAYSIA DIBUKA DI INDO DEFENCE 2016		

“Kita turut membuka Pavilion Malaysia dengan mengadakan pelbagai acara termasuk perbincangan yang menekankan peluang dan cabaran serta strategi kemasukan kepada syarikat-syarikat industri pertahanan Malaysia,” kata kenyataan tersebut di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Anuwi Hassan dan Timbalan Panglima Tentera Udara, Leftenan Jeneral Datuk Seri Affendi Buang.

“Majlis berkenaan juga menyaksikan pelantikan rasmi tiga kontraktor bagi Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) kali ke-18 yang akan berlangsung pada 2018 nanti.

“DSA’18 yang merupakan anjuran bersama Kementerian Pertahanan Malaysia bersama syarikat DSA Exhibition & Conference Sdn. Bhd. adalah antara pameran pertahanan dan keselamatan antarabangsa yang diiktiraf sebagai terbaik di dunia,” kata kenyataan itu. - UTUSAN ONLINE

### Tag Berkaitan

[Pertahanan](#) [Teknologi dan Kejuruteraan](#) [Terkini](#)